

09 AUG 2000

Mahathir-Anwar/I

PENSABITAN KESALAHAN ANWAR SEMATA-MATA KEPUTUSAN MAHKAMAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pensabitan kesalahan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap tuduhan meliwat adalah semata-mata keputusan mahkamah berdasarkan keterangan yang diberikan.

Perdana Menteri berkata beliau yakin mahkamah menjatuhkan hukuman itu kerana mahkamah berpendapat itulah hukuman yang betul bagi tuduhan yang dihadapi oleh Anwar.

"Semuanya terserah kepada mahkamah untuk menentukan...ia mempunyai kata putus," katanya kepada Faheem Al-Hamid, pengarang urusan eksekutif Saudi Gazette, dalam satu wawancara di pejabatnya di Putrajaya semalam.

Teks temubual itu disiarkan hari ini dalam E-Umno, akhbar parti itu dalam Internet.

Anwar didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam terhadap tuduhan meliwat bekas pemandu keluarganya dan dihukum penjara sembilan tahun.

Dalam reaksi pertamanya berhubung keputusan mahkamah itu, Dr Mahathir berkata perbicaraan itu sendiri memakan masa yang panjang dan belum ada perbicaraan yang berlarutan selama itu.

Katanya Anwar telah diberi peluang seluas-luasnya untuk mempertahankan dirinya terhadap tuduhan meliwat itu tetapi dia memilih untuk menuduh bahawa semuanya adalah kerana konspirasi oleh kerajaan.

Ketika diminta mengulas dakwaan di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa kononnya kes itu merupakan satu konspirasi politik terhadap Anwar, Dr Mahathir berkata bagi beliau, ia kes biasa di mahkamah dan bukannya satu konspirasi.

"Mustahil di Malaysia akan ada konspirasi sebesar itu yang melibatkan beratus-ratus orang, tanpa konspirasi itu diketahui awal-awal lagi sebelum ianya dijalankan," katanya.

Dr Mahathir berkata Anwar tidak pernah menyebut tentang konspirasi sebelum itu dan hanya menyatakannya selepas dia ditangkap.

Perdana Menteri berkata orang ramai tahu bahawa dialah (Anwar) orangnya yang terlibat dalam satu bentuk konspirasi untuk cuba menaikkan dirinya sebagai perdana menteri lebih awal dari waktu yang beliau dijangka berkemungkinan memegang jawatan itu.

Ketika ditanya sama ada keadaan akan menjadi biasa antara beliau dan Anwar selepas bekas timbalannya itu selesai menjalani hukuman, Dr Mahathir berkata itu terpulang kepada orang ramai.

"Jika orang ramai mahukan beliau, ya, mereka boleh terimanya. Tetapi undang-undang negara ini perlu diambil kira. Yang pasti ialah apabila dia ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah dan didapati bersalah, dia perlu menjalani hukuman seperti orang lain juga," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak membeza-bezakan antara kawan atau orang kenamaan kerana mangsa juga perlu mendapat keadilan.

Katanya Anwar masih berpeluang merayu kepada mahkamah lebih tinggi.

Sementara itu, pakatan pembangkang terdiri Keadilan, PAS, DAP dan PRM berkata dalam satu kenyataan bahawa hukuman penjara sembilan tahun itu akan menjadi Anwar satu simbol yang lebih kuat untuk menyatukan rakyat pada pilihan raya akan datang.

Naib presiden Majlis Peguam Roy Rajasingham berkata majlis itu kesal dengan keputusan mahkamah itu.

-- BERNAMA

AR AHH MAI